

BAB 5

RUMUSAN DAN SARANAN

5.0 Rumusan

Berdasarkan analisis ujian dan soal selidik yang telah dijalankan berkaitan topik, "Penggunaan Maf'u:l bih Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan." beberapa rumusan penting dapat diketengahkan. Antaranya ialah:

(A) Responden menghadapi beberapa kesukaran ketika mempelajari *maf'u:l bih*. Bentuk-bentuk kesukaran yang dihadapi oleh responden ketika mempelajari *maf'u:l bih* ialah:

1. Tidak dapat membezakan dengan tepat antara kata kerja transitif (*fi'l muta'addiyy*) dan kata kerja tak transitif (*fi'l la:zim*)
2. Tidak dapat mengenalpasti dengan tepat kedudukan *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat.
3. Keliru dengan penggunaan pola kata kerja yang menjadikan sesuatu kata kerja itu sama ada (kata kerja transitif) atau (kata kerja tak transitif).
4. Tidak dapat menguasai peraturan *maf'u:l bih* dengan baik.
5. Sukar mengenalpasti dengan tepat beberapa *maf'u:l bih* yang terdapat dalam sesuatu struktur ayat terutama apabila *maf'u:l bih* dalam bentuk kata ganti nama (*dami:r*) atau kata nama tunjuk (*isim isya:rat*) dan contoh yang melibatkan ayat-ayat al-Qur'a:n.

6. Sukar mengaplikasi *maf'u:l bih* dalam penulisan dan pertuturan.
7. Responden tidak mampu menguasai sepenuhnya definisi-definisi yang berkaitan dengan jenis-jenis *maf'u:l bih*.

(B) Selain daripada kesukaran mempelajari *maf'u:l bih*, bentuk-bentuk kesukaran lain yang dihadapi oleh responden ialah:

1. Responden menghadapi masalah untuk menguasai dan memahami sesuatu makna perkataan Arab dalam struktur ayat.
2. Dalam aspek pertuturan dan penulisan, responden lebih banyak menggunakan kata kata kerja yang biasa digunakan dalam buku-buku rujukan dan pertuturan harian tanpa dapat mengenalpasti dengan baik kewujudan *maf'u:l bih* dalam struktur ayat yang menggunakan perkataan yang jarang digunakan.
3. Kurang memahami konsep perubahan pada pola perkataan daripada mufrad, muthanna dan kata jama' yang menjadi *maf'u:l bih* dalam sesuatu struktur ayat.

(C) Hasil kajian turut mendapati tiga perkara yang perlu diberikan perhatian:

1. Penggunaan kaedah, teknik dan cara pengajaran *maf'u:l bih* yang sesuai dapat membantu responden menguasai *maf'u:l bih* secara efektif.
2. Penggunaan ABM terkini agar lebih dapat menarik minat responden dan permurniaan semula terhadap silibus yang disediakan untuk pembelajaran dan pengajaran pelajar agar ianya bersesuaian dengan tahap kemampuan pelajar amat penting agar responden boleh menerima pengajaran dengan lebih baik.
3. Kesungguhan responden cuba menjawab setiap soalan ujian dan soal selidik membuktikan mereka mempunyai minat terhadap pembelajaran *maf'u:l bih*.

Wujudnya pelbagai variasi kesukaran ketika mempelajari *maf'u:l bih*, dibimbangi akan mengurangkan minat responden untuk menguasai *maf'u:l bih* dengan lebih efektif. Namun begitu, suatu hakikat yang tidak dapat kita nafikan ialah setiap kesilapan yang berlaku pastinya akan mendatangkan pengajaran dan menjadi peringatan kerana sebagai responden semestinya tidak mudah untuk mengelak diri daripada melakukan kesilapan. Setiap orang akan belajar daripada kesilapan.

Sikap responden juga menjadi "kayu ukur" untuk menilai sejauh mana mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk memahami dan menguasai *maf'u:l bih*. Kedapatan responden yang bersikap sambil lewa dan cuai ketika arahan menentukan *maf'u:l bih* dengan tidak menyempurnakan struktur ayat dan ada yang tidak menjawab langsung soalan tersebut.

Kesilapan ini dianggap tidak wajar berlaku kerana pola ayat tersebut adalah pola yang mudah dan biasa. Punca kesilapan seperti ini terjadi kerana responden tidak menghayati sepenuhnya pembelajaran *maf'u:l bih*.

Kebanyakan kesilapan yang dilakukan oleh responden adalah berpunca daripada kelemahan mereka memahami dan menguasai pola kata kerja, jenis-jenis *maf'u:l bih* dan bilangannya dalam sesuatu ayat. Kurang latihan dan kefahaman responden dalam aspek tatabahasa, *imla'* dan *insya:'* turut menyebabkan responden sering melakukan kesilapan ketika membina dan menyusun ayat-ayat yang memerlukan *maf'u:l bih*.

Pada dasarnya wujud beberapa faktor utama yang boleh memberi sumbangan positif dan inovatif ke arah membaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran nahu Arab di sekolah-sekolah menengah agama dan juga pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Diharapkan setiap pihak melangkah ke hadapan dengan mengamalkan sikap terbuka secara telus dan tulus supaya setiap saranan dan cadangan yang dikemukakan dilihat dan diterima dari sudut positif yang membina dan bukan untuk "mengena" mana-mana pihak.

5.1 Saranan

Berdasarkan rumusan yang telah dibuat terhadap tajuk kajian didapati pelbagai jenis dan tahap kesukaran yang terpaksa dihadapi oleh responden untuk memahami tajuk kajian. Beberapa saranan yang difikirkan sesuai dicadangkan oleh penulis dengan harapan agar saranan tersebut mampu mengatasi masalah yang dihadapi. Saranan tersebut di bahagikan kepada dua bahagian iaitu saranan khas dan saranan umum.

5.1.1 Saranan Khas

Faktor pengajaran *maf'u:l bih* yang lebih sistematik akan mempengaruhi dan mendorong responden menguasai *maf'u:l bih* dengan lebih mudah dan praktikal. Kaedah pengajaran *maf'u:l bih* dengan menggunakan kaedah nahu fungsian (*wazi:fiyy*) dan aplikasi (*tatbi:qiyy*) hendaklah digunapakai mengikut kesesuaian dan keadaan responden. Kedua-dua kaedah tersebut mempunyai kebaikan dan kelebihan yang tersendiri. Tumpuan dan penekanan terhadap kedua-dua kaedah nahu tersebut mestilah dimulakan di peringkat sekolah menengah lagi kerana responden perlu diberikan pendedahan awal terhadap sistem pembelajaran nahu mereka. Hal ini penting untuk menjamin tahap penguasaan responden dapat dibentuk dari awal lagi. Oleh kerana pengajaran *maf'u:l bih* melibatkan *maf'u:l bih* yang pelbagai jenis, maka penyusunan dan penyelarasan sesuatu formula perlu untuk membantu responden mudah mengingat dan mahir menggunakan setiap jenis tersebut.

Untuk menguasai *maf'u:l bih* sepenuhnya, kaedah hafalan pola-pola kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif perlu ditekankan kepada responden. Apabila pola-pola tersebut telah dikuasai oleh responden maka ia akan membantu mereka daripada melakukan kesilapan dalam menentukan sama ada ayat tersebut wujudnya *maf'u:l bih* atau sebaliknya. Di samping itu, pada masa yang sama kaedah latih tubi perlu dilaksanakan secara intensif seiring dengan

kaedah hafalan. Gabungan kedua-dua kaedah tersebut akan memantapkan penguasaan responden dalam pembelajaran *maf'u:l bih*.

Oleh kerana *maf'u:l bih* mempunyai pelbagai jenis seperti *maf'u:l bih mabniyy* dan *mu'rab*, bersambung (*muttasil*) dan terpisah (*munfasil*) maka kaedah pengajaran *maf'u:l bih* yang sistematik perlu diseragamkan untuk memudahkan responden membezakan kedua-dua jenis *maf'u:l bih* tersebut. Responden amat perlu merujuk dan membuka kamus-kamus Arab. Responden sepatutnya dilatih dan dididik supaya mereka tidak hanya bergantung kepada nota-buku nota dan nota-nota guru mereka untuk mempelajari *maf'u:l bih* tetapi mereka sendirilah yang lebih patut berdikari bagi mengenali dan mendalami *maf'u:l bih* tersebut.

Responden mesti sentiasa menggunakan peluang dan kesempatan masa untuk pergi ke perpustakaan mencari dan merujuk kamus BA. Lebih baik dan lebih berkesan jika guru membawa responden ke perpustakaan dan menerangkan judul judul buku nahu yang berkaitan dengan *maf'u:l bih*, nama pengarang, nama penerbit, tahun pecetakan dan sebagainya.

Responden mesti dibekalkan dengan "kerja rumah" oleh guru mereka. Setiap topik yang selesai diajar, sebaik-baiknya dituruti dengan latihan atau ujian bagi melatih dan mengukur kemampuan responden untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang berkaitan dengan topik *maf'u:l bih*. Ujian dan latihan patut diadakan secara konsisten bertujuan menilai sejauh mana tahap kemahiran responden menguasai dan mengaplikasi *maf'u:l bih* dalam pertuturan dan penulisan mereka.

5.1.2 Saranan Umum

Antara faktor-faktor utama yang mesti diberi perhatian khusus dan serius ialah:

5.1.2.1 Kelayakan Guru

Guru-guru yang berkelayakan terutamanya guru-guru yang terlibat dengan pengajaran bahasa hendaklah mereka yang terdiri daripada graduan yang berkelulusan BA sama ada lepasan daripada universiti tempatan ataupun universiti luar negeri serta berpengalaman khusus dalam teknik pengajaran bahasa. Jika tidak, natijah daripada tindakan memilih mereka yang tidak berkelayakan dan kurang berpengalaman akan mengundang suatu hasil pengajaran yang negatif dan pasif. Pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil inisiatif menangani masalah kemahiran guru ialah pihak kerajaan negeri sendiri yang wajib memainkan peranan penting dalam usaha mengatasi masalah kemahiran dan pengalaman guru.

Ismail 'Abdul Rahma:n (1993: 202) menjelaskan,

"Kursus-kursus khas kepada guru-guru yang mengajar BA perlu diadakan. Penghantaran guru-guru tersebut ke negara-negara Arab untuk menghadiri kursus-kursus BA perlu diperbanyakkan lagi di samping mengkaji keberkesanan kursus-kursus seumpama ini diberi kepada guru-guru BA. "

Guru-guru BA perlu diberi peluang untuk menghadiri seminar-seminar atau forum pendidikan semasa. Tujuannya ialah supaya guru-guru dapat menimba pengalaman baru melalui seminar yang mereka ikuti dan melalui pengalaman tersebut mereka mampu menyalurkannya

pula kepada para responden . Hanya guru-guru yang berpengalaman luas dan mempunyai bentuk kemahiran yang tinggi berupaya menarik minat responden .

Tugas seorang guru bukanlah terbatas hanya kepada pengajaran tetapi juga kepada penyelidikan. Melalui penyelidikan yang dilakukan akan meningkatkan mutu dan proses pengajaran akan berjalan dengan lebih lancar dan sistematik.

Salleh Mohd. Husein (2002:17) menyarankan supaya

“Guru mengamalkan budaya menyelidik serta menilai kerana ia penting dalam usaha mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, sekaligus melahirkan responden yang cemerlang.”

Sebenarnya penyelidikan yang dilaksanakan oleh seseorang guru akan mempengaruhi pula para responden nya untuk turut serta. Ini akan memberikan suatu impak yang besar kepada proses pembelajaran responden sendiri.

‘Ariffi:n Aton (2002:16) menyatakan,

"Penyelidik di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) mempunyai peranan besar dalam membantu mempertingkatkan budaya penyelidikan di kalangan responden, sekaligus dapat menghasilkan penemuan baru dan berkualiti."

Guru-guru BA harus diberi kesempatan dan peluang meningkatkan tahap akademik mereka. Peluang mereka melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat sarjana atau doktor falsafah di universiti tempatan dan juga luar negeri mestilah dibantu dan dipermudahkan.

Ee Ah Meng (1999: 47) membuat saranan;

“Setiap guru hendaklah berusaha ke arah kecemerlangan bukan sahaja dari segi pengajaran tetapi juga dalam bidang penyelidikan dan penulisan. Ini kerana guru menghadapi pelbagai jenis masalah dalam pengajarannya. Bidang-bidang penyelidikan yang telah beliau cadangkan ialah perkembangan kurikulum, cara penilaian, strategi pengajaran, gaya pembelajaran dan pengurusan serta kawalan bilik darjah”.

5.1.2.2 Kaedah Pengajaran

Kaedah pengajaran yang berkesan terhasil daripada usaha gigih para guru mempelajari selok belok pedagogi bahasa. Melalui pengalaman mengajar, para guru boleh menilai dan meneliti kembali kesesuaian dan keberkesanan sesuatu kaedah yang pernah digunakan oleh mereka selama ini.

Guru perlu menggunakan pelbagai teknik pengajaran yang berbeza bagi mendorong kumpulan responden itu mengubah tingkah laku di dalam kelas. Guru boleh mempelbagaikan aktiviti di dalam kelas seperti memberi ujian atau latihan yang lebih kerap. Sebenarnya dalam kaedah pengajaran bahasa bentuk latih tubi amat berkesan dipraktikkan bagi menjamin responden berkemahiran menguasai sesuatu bahasa dengan baik.

Tidak dapat dinafikan sebahagian guru-guru BA yang mengajar masih sinonim dengan kaedah nahu tradisional. Ini pastinya tidak banyak menyumbangkan kebaikan terhadap sistem dan proses pengajaran yang diingini dan kesan jangka panjang yang timbul

nanti ialah kemahiran responden dalam aspek pertuturan dan komunikasi akan terabai dan ditinggirkan.

Suatu jalan keluar perlu dicari untuk mengatasi kemelut yang terjadi. Cara terbaik ialah dengan membentuk sistem gabung jalin yang merangkumi penggunaan nahu tradisional dan nahu fungsional. Pada masa yang sama, jangan ada pula sesetengah pihak yang terlalu ta'asub dan terlalu menekankan penggunaan salah satu kaedah sahaja bahkan yang terbaik ialah suatu penyelarasan perlu diatur untuk mendekatkan jurang perbezaan yang wujud di antara kedua-dua kaedah nahu tersebut. Keutamaan yang wajar dilihat ialah kemahiran responden dan kemampuan linguistik mereka menguasai BA dengan baik dan praktikal.

Apabila kita menyebut tentang kaedah pengajaran, kita tidak dapat lari daripada menyentuh aspek teknik, pendekatan dan juga strategi pengajaran. Dengan lain perkataan, guru perlu membuat suatu gabungan di antara keempat-empat elemen tersebut iaitu kaedah, pendekatan, teknik dan strategi pengajaran supaya segala objektif pengajaran yang dirancang akan tercapai dengan jayanya. Dalam bab dua sebelum ini, telah dijelaskan secara terperinci contoh-contoh kaedah, teknik, pendekatan dan strategi yang berkaitan dengan pengajaran.

Guru-guru perlu bersikap inovatif dan sentiasa bersedia untuk melakukan sesuatu perubahan terhadap mutu dan gaya pengajaran mereka. Melalui cara ini, responden tidak cepat berasa jemu dan bosan sebaliknya minat dan tindak balas mereka terhadap penyampaian guru akan bertambah baik dan seronok.

Berdasarkan pendekatan pendidikan moden hari ini, peranan guru telah banyak berubah dan bertukar daripada bertindak sebagai "pengarah" kepada "penyelia," dan daripada "diktator" kepada "motivator atau fasilitator." Responden yang seharusnya banyak bertindak dan merancang pembelajaran mereka sedangkan guru pula berfungsi memantau dan mengawasi tindakan pembelajaran responden .

Guru juga berperanan mendorong dan merangsang minat responden sebelum memulakan sebarang topik pengajaran. Ini penting kerana proses pembelajaran berlaku dengan lebih cepat andaikata responden mempunyai minat terhadap sesuatu subjek yang mereka responden.

Dalam proses pembelajaran bahasa seperti BA contohnya, guru perlu banyak melakukan latihan tubi dan latihan-latihan amali bagi tujuan menilai kefahaman responden .

‘Abdullah Hassan (1987:73) merumuskan,

"Tidaklah dapat dipercayai bahawa sebarang bahasa dapat dipelajari tanpa latihan. Ini tidaklah pula bermakna bahawa latihan itu saja yang penting, kerana sebenarnya ada unsur-unsur lain yang terlibat. Latihan akan membentuk tabiat. "

Harus difahami objektif pengajaran guru bukanlah semata-mata tertumpu kepada matlamat lulus peperiksaan atau apa yang dipanggil "*exam oriented*" tetapi yang lebih mustahak ialah responden mempunyai kemahiran dan kecekapan yang tinggi untuk mengaplikasi setiap apa yang mereka responden. Menjadi kewajipan setiap guru menguasai sesuatu subjek yang hendak diajar.

Kemahiran mereka akan mempengaruhi keberkesanan penyampaian dalam sesuatu topik yang diajar. Amat malang andaikata terdapat segelintir guru yang tidak mampu menjawab sebarang kemusykilan daripada responden. Ini akan menjatuhkan martabat guru itu sendiri. Oleh itu para guru mesti menguasai sepenuhnya subjek yang diajarkan kepada responden.

Kajian dijalankan oleh Raymond dan Deniz ke atas beberapa orang responden yang mengikuti pelajaran asas BA di Lubnan, mendapati mereka mampu menguasai asas-asas tersebut selepas tiga bulan mempelajarinya. Dalam tempoh singkat ini nisbah penguasaan responden ialah 80% melalui bahasa perbualan. 70% melalui bacaan akhbar dan majalah. 66% melalui novel kesusasteraan dan 16% melalui bacaan ilmiah.

Raymond dan Deniz turut mengulas mengenai kekesalan mereka terhadap pengajaran BA di negara mereka Lubnan yang terlalu menekankan aspek-aspek devirasi, kaedah thulasiy, ruba'iy dan sebagainya. Mereka beranggapan bahawa punca kesukaran mempelajari BA kerana terlalu menekankan aspek kaedah tatabahasanya.

Jika inilah yang berlaku di Lubnan sendiri, maka perkara yang sama turut terjadi di Malaysia, iaitu sesetengah pihak terlalu menekankan aspek tatabahasa Arab dan mengabaikan aspek lain seperti kemahiran pertuturan dan komunikasi. Kaedah pengajaran BA di negara kita perlu menjalani proses reformasi agar sesuai dengan kehendak semasa dan tidak menyukarkan responden untuk mempelajarinya. Suatu proses "*turning over*" patut dijalankan ke atas set minda responden supaya anggapan mereka terhadap kesukaran nahu Arab dapat dihakis dan dihapuskan sama sekali.

'Abdul Rahma:n 'Abdul Rasyi:d dan rakan-rakan (1997:7) menyatakan,

"Kaedah mengajar bahasa melibatkan hal-hal yang berkait rapat dengan peringkat-peringkat dalam proses pengajaran bahasa, kegiatan mengajar kemahiran bahasa tertentu dan teori-teori linguistik yang menjadi teras kegiatan mengajar. Proses pengajaran bahasa boleh dianggap sebagai satu pedagogi yang meliputi tiga peringkat iaitu induksi set, perkembangan pelajaran dan penilaian. "

Pada asasnya, kemahiran guru menggunakan pelbagai kaedah dan teknik mengajar yang berkesan pastinya dapat melahirkan responden yang boleh berkomunikasi dengan berkesan. Kaedah dan teknik pengajaran memainkan peranan penting ke arah menjamin mutu penguasaan responden dalam sesuatu topik atau subjek.

Asher (1997:28) dalam Jack C. Richards dan Theodore S. Rodgers (1986) telah menyarankan perlunya kombinasi teknik pengajaran yang pelbagai diaplikasi dalam kaedah pengajaran.

"...but it should be used in combination with many other techniques. The optimal combination will vary from instructor to instructor and class to class. "

Sementara itu 'Abdul 'Azi:z Ta:lib dan rakan-rakan (1989:230) menjelaskan bahawa guru-guru perlu memastikan bentuk pengajaran yang disampaikan dilakukan secara gabung jalin di antara pengajaran bacaan, penulisan, kefahaman dan tatabahasa. Guru bahasa bertanggungjawab merangsangkan pemikiran dalam diri responden-responden untuk memperkayakan idea-idea mereka.

5.1.2.3 Kaedah Pembelajaran

Apabila kita menyentuh tentang kaedah pembelajaran ianya mempunyai kaitan langsung dengan kaedah pengajaran oleh guru. Kajian teliti dan penyemakan semula mengenai kaedah pembelajaran yang dipraktikkan oleh responden adalah perlu bagi mengorak langkah ke arah pembelajaran yang lebih bersistematik dan teratur. Salah satu kaedah pembelajaran yang diyakini berkesan antaranya ialah kaedah pembelajaran koperatif.

Maksud koperatif ialah kerjasama dalam kumpulan kecil responden yang mempunyai matlamat yang sama untuk berjaya. Dengan wujudnya kerjasama seperti ini, ianya akan memberi peluang dan ruang kepada setiap responden untuk lebih aktif, inovatif, produktif dan bersikap positif dalam usaha memajukan diri sendiri dan kumpulan yang mereka anggotai. Hasil daripada pendekatan penggunaan kaedah pembelajaran tersebut akan mendorong wujudnya penggunaan istilah-istilah seperti "*study group*," "*learning together*," "*smart group*," dan sebagainya.

Melalui cara ini juga akan wujud komunikatif atau proses interaksi secara efektif di kalangan responden. Perkongsian idea, cita rasa belajar yang sama serta hasrat untuk sama-sama berjaya akan lebih menyemarakkan lagi minat responden untuk bekerjasama di antara mereka.

Rod Ellis (1985:148) menyarankan supaya perbincangan responden tidak hanya terbatas di dalam kelas sahaja tetapi turut melibatkan interaksi responden di luar kelas.

"They point out that the classroom only teaches pupils how to reply and that this does not equip learner for interaction outside the classroom, where they have to initiate discourse."

J.D. O' Connor (1996) sendiri mengakui bahawa bahasa-bahasa seperti Kantonis, Arab dan Hindi adalah sukar dari sudut sebutannya.

"In addition I wish to express particular thanks to Mrs. M. Chan of Hong Kong, Miss Afaf M.E. El Menoufi of Cairo and Dr. R. K. Bensal of Hyderabad, for very kindly helping me with regard to the pronunciation difficulties of Cantonese, Arabic and Hindi speakers respectively."

Berdasarkan kenyataan bahawa BA adalah salah satu daripada bahasa yang agak sukar dari segi sebutannya bolehlah dijadikan alasan untuk kita lebih banyak melakukan proses latihan tubi yang berterusan sehingga segala kesukaran yang timbul akan segera dapat diatasi.

Setiap bahasa mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Jadi untuk menguasai bahasa kedua iaitu selain daripada bahasa ibunda, seseorang responden mestilah cuba menyelami dasar-dasar sesuatu bahasa itu dengan memahami aspek-aspek sintaksis, morfologi, fonetik dan ejaannya secara komprehensif dan kemudiannya melakukan komperatif dengan aspek-aspek bahasa ibundanya sendiri. Natijah daripada pendekatan kaedah perbandingan ini akan membantu responden memahami aspek pembelajaran sesuatu bahasa dengan lebih mudah dan berkesan.

Ramli Haji Salleh (1995:10) merumuskan,

"Perbandingan antara dua atau lebih bahasa boleh menimbulkan minat teoritis. Perbandingan ini bukan sahaja menggambarkan persamaan antara bahasa yang pada lahirnya sangat berbeza tetapi juga menggambarkan beberapa perbezaan. Sebenarnya dengan membandingkan dua atau lebih bahasa, ciri setiap bahasa dapat ditonjolkan dan boleh difahami dengan baiknya apabila dibandingkan dengan satu bahasa lain, "

Apabila disebut kemahiran berbahasa maka ianya merangkumi aspek yang luas. Objektif pembelajaran akan tercapai dan berhasil jika responden sendiri yang banyak "bergerak" dan memberikan tindak balas yang aktif terhadap pengajaran guru mereka.

Kemahiran penggunaan kamus Arab secara total perlu ditekankan kepada responden Melayu. Mereka perlu dilatih tentang aspek penggunaan kamus tersebut kerana kaedah penggunaan setiap kamus adalah berbeza. Responden patut digalakkan menggunakan kamus Arab seperti al-Mu'jam al-Arabiyy al-Asasiyy, al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Muyassar, al-Mawrid, Mu'jam al-Tullab, al-Wasi:t dan sebagainya. Cara ini akan memperkaya dan menambahkan kosa kata responden .

Telah menjadi kebiasaan dan kelaziman sebahagian besar responden Melayu lebih suka menggunakan kamus Arab-Melayu ketika mencari makna sesuatu perkataan Arab. Biasanya responden akan merujuk kamus al-Marbawi, kamus Arab-Indonesia dan kamus-kamus Arab Melayu yang lain. Jika ditinjau kamus-kamus tersebut, kedapatan istilah-istilah makna perkataan Arab yang tidak sesuai dengan terjemahan semasa.

Antara kesan pembelajaran bahasa yang berjaya ialah responden mampu menyusun dan membina ayat dan frasa serta menggunakannya secara praktikal dalam penulisan dan pertuturan mereka.

Victoria Fromkin dan Robert Rodman (1993:73) menjelaskan,

"Knowing a language includes the ability to put words together to form phrases and sentences that express our thoughts. "

5.1.2.4 Alat Bantu Mengajar

Penggunaan alat bantuan mengajar (ABM) secara optimum akan lebih menarik minat dan perhatian responden mengikuti topik dan subjek yang sedang mereka responden. Ianya sekaligus akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kita boleh umpamakan penggunaan ABM adalah seperti penggunaan rempah ratus dalam sesuatu masakan. Nilai kelazatan masakan tersebut akan bertambah jika bahan campuran atau perencah yang sesuai dimasukkan.

Dalam era penggunaan teknologi maklumat, kemahiran guru wajar dipertingkatkan selaras dengan kehendak semasa. Mereka mestilah bijak "mengeksplotasi" penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran penggunaan komputer dianggap penting kerana pelbagai maklumat terkini dan data mampu diperolehi melaluinya. Penggunaannya juga dapat menjimatkan masa dan tenaga. Penggunaan internet mempunyai impak yang besar dalam bidang

pendidikan dan banyak membantu guru mendapatkan bahan-bahan pengajaran yang sesuai dengan topik pembelajaran.

'Abdul 'Azi:z Shamsuddi:n (2002) menjelaskan,

"Memandangkan sebuah kelas pada masa kini mengandungi di antara 40 sehingga 50 orang murid maka guru menghadapi sedikit kesukaran untuk memberi tumpuan kepada setiap murid. Ini menyebabkan ada responden tertinggal dari segi interaksi dengan guru. Tetapi jika guru mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti menggunakan skrin yang besar atau komputer maka ia akan memberi peluang kepada setiap responden untuk berinteraksi deng guru. "

Guru-guru patut didedahkan dengan teknik-teknik pengajaran yang berkesan melalui penggunaan komputer. Suatu mekanisme perlu dibentuk untuk merancang dan menyusun kursus-kursus khas kepada guru-guru bagi meningkatkan tahap kecekapan mereka dalam penggunaan komputer.

Galfo-1975, (dalam 'Abdul Rahma:n 'Abdul Rasyi:d (1997:336) menyatakan melalui uji kaji dan penyelidikan yang telah dijalankan mendapati pancaindera penglihatan berupaya memproses 43,000,000 maklumat. Manakala pancaindera pendengaran hanya dapat menerima 50,000 maklumat."

"Kombinasi penggunaan alat pandang-dengar mampu meningkat dan menguatkan daya ingatan responden . Penyelidikan oleh P . Philips (1950), mendapati hasil sesuatu pengajaran, responden -responden ingat 10 % apa yang mereka baca. 20% yang mereka dengar. 30% yang mereka lihat. 30 %

yang mereka dengar-lihat . 70% yang mereka sebut. 90 % sebut semasa mereka membuat sesuatu. "

Kemudahan penggunaan audio visual dan makmal bahasa amat wajar diberi perhatian serius kerana kedua-duanya memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA. Bekalan bahan-bahan makmal bahasa seperti kaset, pita rakaman, pemacu cakera padat dan sebagainya mudah didapati sama ada di pasaran tempatan dan juga luar negeri khususnya dari negara Timur Tengah. Makmal bahasa tersebut boleh digunakan juga untuk tujuan pembelajaran bahasa Inggeris di samping BA sendiri.

Dengan wujudnya kemudahan seperti ini akan membantu meningkatkan prestasi kemahiran mendengar, menulis, membaca dan bertutur di kalangan responden . Pada masa yang sama, latihan khusus perlu diberikan kepada guru-guru bahasa yang terlibat mengendalikan makmal bahasa dan audio visual tersebut.

5.1.2.5 Penyemakan Sukatan Pelajaran

Pihak-pihak yang terlibat dengan penggubalan sukatan pelajaran wajar menumpukan sepenuh perhatian terhadap penyemakan semula silibus yang sedia ada. Ini bertujuan menilai kembali kesesuaian dan keserasian silibus tersebut mengikut konteks semasa. Suatu reformasi perlu dilakukan untuk meminda mana-mana silibus yang dianggap kurang sesuai dengan konsep pengajaran dan pembelajaran BA hari ini.

Bagi memastikan responden mampu menguasai dan mengaplikasi *maf'u:l bih* secara maksimum dalam pertuturan dan penulisan mereka maka sukatan atau silibus pengajaran BA hendaklah di susun dengan memberikan keutamaan dan penekanan kepada topik pengajaran *mengikut tahap kesesuaian dan kemampuan responden* di peringkat awal pengajaran BA.

Sulaiman Ismail (1996: 221) menyatakan,

"Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh responden merupakan bahan penting yang membantu usaha menyediakan sukatan pelajaran, latihan dan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kemampuan linguistik mereka. "

Dalam konteks pengajaran BA di Malaysia pada hari ini, masih kedapatan silibus dan kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah menengah atau sekolah tinggi agama khususnya di negeri Pahang adalah hanya mengikut buku-buku asal nahu Arab yang digunakan di negara-negara Timur Tengah. Masih kurang silibus yang diubah suai untuk kesesuaian penggunaan responden Melayu di sekolah-sekolah di Malaysia. Secara logikalnya penulis berpendapat, silibus yang digubal perlu meletakkan topik *maf'u:l bih* selepas topik kata nama dan kata kerja secara berturutan atau beriringan di antara satu sama lain.

Logiknya, *maf'u:l bih* juga adalah sebahagian daripada kata nama yang tidak terikat dengan sebarang masa. Jadi di antara kata nama, kata kerja dan *maf'u:l bih* saling mempunyai hubungan rapat di antara satu sama lain. Oleh itu, di samping guru mengajar

kata nama dan kata kerja, pada masa yang sama mereka juga boleh mengaitkannya dengan *maf'ul bih* .

Selari dengan perubahan masa dan perkembangan BA hari ini yang memerlukan sistem amali lebih banyak daripada teori, oleh itu responden tidaklah hanya diajar untuk mahir menghafal sesuatu kaedah tatabahasa tetapi yang lebih utama ialah mereka mampu mengaplikasi kaedah nahu yang mereka pelajari ke dalam pertuturan harian, penulisan dan komunikasi sesama mereka.

Naimah Abdullah dan Norhayuza Muhamad (2002:18) turut menyarankan penyemakan semula kurikulum dan silibus BA bagi mempertingkat lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran BA.

Sebenarnya masih didapati sesetengah silibus yang disusun tidak seimbang dengan keupayaan responden dalam sesuatu tahap pembelajaran. Ini kerana kedapatan sebahagian silibus yang disusun lebih mementingkan aspek penulisan dan mengabaikan aspek pertuturan. Lebih malang lagi jika sesuatu silibus disusun semata-mata berorientasikan peperiksaan.

Kerap kali berlaku guru-guru terpaksa mengejar masa untuk menghabiskan sesuatu silibus yang banyak dan padat seurus sebelum menjelangnya hari peperiksaan dan yang menjadi "mangsa" adalah para responden. Bagi guru yang penting ialah mereka sempat menghabiskan silibus yang dipertanggungjawabkan oleh pihak sekolah dan responden mereka pula akan lulus peperiksaan.

Risiko yang berlaku ialah betapa ramai pun responden yang lulus cemerlang dalam sesuatu subjek BA namun tahap kemahiran dan kecekapan mereka masih boleh

dipersoalkan dan kurang memberangsangkan. Kemahiran responden dalam aspek bahasa bukan hanya diukur melalui keputusan peperiksaan semata-mata tetapi yang lebih mustahak ialah mereka berkebolehan menguasai dan menggunakan bahasa tersebut dengan baik dan berkesan.

5.1.2.6 Buku Pembelajaran Yang Bersesuaian

Peranan buku-buku pembelajaran juga harus dikaji dan dinilai semula bagi mengesan kesesuaian dan keberkesanan dengan situasi responden. Contoh-contoh ayat, frasa, ejaan, kosa kata dan mutu percetakan bagi sesetengah buku teks perlulah diteliti kembali dan disemak daripada semasa ke semasa. Sesetengah institusi pendidikan menggunakan sepenuhnya buku-buku teks, kurikulum dan silibus dari Universiti al-Azhar, Mesir, Jordan, Madinah dan lain-lain universiti di Timur Tengah. Buku-buku teks tersebut disusun untuk kegunaan sekolah-sekolah menengah agama kendalian universiti tersebut.

Persoalannya sekarang adakah semua bahan atau isi kandungan buku-buku tersebut sesuai dan relevan dengan realiti atau konteks responden Melayu yang BA sebagai bahasa kedua? Dengan lain perkataan, sesetengah contoh yang terdapat dalam buku-buku teks tersebut adalah disusun menurut konteks responden Arab yang mempelajari BA dan bukan untuk responden Melayu yang mempelajari BA.

Kita sebenarnya perlukan buku-buku yang disusun mengikut acuan kita sendiri iaitu dalam konteks responden Melayu yang mempelajari BA sebagai bahasa kedua. Buku-buku latihan nahu Arab perlu diperbanyakkan. Selain itu, buku-buku yang memberi penekanan kepada kemahiran menghafal dan menguasai pola-pola dan jenis jenis *maf'u:l bih* dalam masa yang

singkat perlu disusun dan diterbitkan. Penulis mendapati buku-buku nahu Arab, karangan guru-guru bahasa, sama ada di Malaysia atau pun di nusantara, yang memfokuskan formula bagi menguasai pola-pola *maf'u:l bih* amat kurang di pasaran. Jika adapun jumlahnya amat terhad dan ianya adalah buku terjemahan daripada buku-buku asal BA. Bagi para pengkaji dan para penulis buku teks pula, adalah diharapkan hasil kajian ini, sedikit sebanyak akan dapat dijadikan panduan dalam penulisan buku teks, buku kerja dan kajian lanjutan mereka secara lebih mendalam pada masa akan datang.

5.1.2.7 Pengajaran Dan Pembelajaran Nahu Berteraskan Ayat Al-Qur'a:n Dan Hadis Nabi

Antara objektif umum pembelajaran BA sepertimana yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ialah memperoleh maklumat dan kemahiran bahasa untuk memahami nas-nas al-Qur'a:n al-Kari:m, hadis Nabi, bahan-bahan rujukan dan buku-buku Islam. Ia juga bertujuan untuk membiasakan pelajar mendengar bacaan al-Qur'a:n al-Kari:m dan hadis Nabi serta memahami maksudnya secara ringkas. Begitulah juga dalam objektif pengajaran kemahiran-kemahiran bahasa, juga digariskan matlamat akhirnya ialah untuk mendengar, bertutur serta membaca ayat-ayat al-Qur'a:n dan hadis Nabi serta memahami maksudnya.

Ringkasnya, pengajaran BA ini, sepertimana yang digariskan oleh KPM, suatu masa dahulu adalah bertujuan untuk kepentingan agama, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa al-Qur'a:n, bahasa hadis Nabi dan bahasa agama yang mempunyai kedudukan yang istimewa dalam kehidupan setiap individu muslim.

Objektif ini sesuai dengan pendapat kebanyakan pengkaji yang mengaitkan pemahaman al-Qur'a:n dan nas agama dengan matlamat akhir pembelajaran BA. Menurut Muhammad Khair al-Hilwa:niyy dalam 'Abdul Razif bin Zaini (2006:42), al-Qur'a:n al-Kari:m merupakan sebab utama munculnya Ilmu Nahu. Walaupun ada faktor-faktor lain yang menyumbang ke arah kemunculan ilmu ini, namun ia sekadar faktor penyokong yang membantu kemunculannya.

Pendapat ini didapati menyokong pendapat 'Abduh al-Ra:jihyy (*b*) (1988:10) yang menyatakan bahawa perkembangan Ilmu Nahu, Saraf, Bala:ghat, Tafsii:r, Feqah, Usu:l dan Kala:m semuanya dengan matlamat yang satu iaitu memahami nas al-Qur'a:n yang mulia.

Menurut 'Abdul Razif bin Zaini (2006:153), al-Qur'a:n telah meninggalkan impak yang kuat di dalam Nahu Arab bermula daripada kelahirannya sehinggalah ke zaman-zaman berikutnya. Kesan ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa al-Qur'a:n al-Kari:m tidak mungkin dapat dipisahkan daripada Nahu Arab khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu ini.

Di akhir kajiannya, 'Abdul Razif bin Zaini (2006:154) telah mencadangkan satu cadangan yang menyokong pengajaran dan pembelajaran Nahu Arab berteraskan al-Qur'a:n ini dengan berkata "pengajaran dan pembelajaran Nahu berteraskan ayat-ayat al-Qur'a:n perlu diwujudkan berasaskan ayat-ayat al-Qur'a:n yang lazim dan mudah yang telah dihafal oleh kebanyakan individu".

Mat Taib bin Pa (2001:8) pula telah mencadangkan agar BA di Malaysia diajar menggunakan pendekatan agama dan komunikasi, iaitu dengan cara mengaitkan antara struktur Nahu

dengan teks agama dan komunikasi kerana kedua-duanya merupakan keperluan dan kehendak situasi pada masa kini.

Kalau dirujuk kepada al-Qur'a:n dan hadis Nabi, kita akan dapati pelbagai contoh yang melibatkan perbahasan *maf'u:l bih* seperti yang dibincangkan dalam kajian ini, ada contohnya di sana. Alangkah baiknya sekiranya sukatan pelajaran yang disusun, menjadikan ayat-ayat al-Qur'a:n sebagai asasnya. Maka secara tidak langsung pelajar akan tertarik dengan isi kandungannya dan guru yang mengajar juga boleh menerapkan penghayatan agama serta mempelbagaikan aktiviti-aktiviti penggabungjalinan dalam pengajaran mereka.

Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa kebanyakan pelajar yang mengambil jurusan BA dan mempelajarinya di sekolah agama atas dasar minat dan motivasi dalaman mereka kerana ingin meningkatkan kefahaman tentang agama. Justeru, amat baiklah kiranya, kalau pendekatan agama digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BA ini. Pendekatan sebegini amat bersesuaian dengan kelemahan penguasaan responden semasa mempelajari *maf'u:l bih* apabila melibatkan contoh-contoh yang menggunakan ayat-ayat al-Qur'a:n.

5.1.2.8 Peranan Media Massa Terhadap Perkembangan BA

Media cetak dan media elektronik mempunyai peranan dan pengaruh yang besar dalam bidang penerbitan dan penyiaran. Jika sebelum ini kedua-dua media tersebut lebih berperanan menyiarkan isu-isu yang berkaitan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa global dan antarabangsa maka diharapkan pada masa yang sama, kedua-dua media itu dapat berfungsi secara seimbangan ke arah menjadikan penggunaan BA setanding dengan penggunaan bahasa Inggeris. Persepsi masyarakat yang sering beranggapan

bahawa BA hanyalah berkaitan dengan masalah-masalah ibadah dan pembelajaran al-Qur'a:n wajar diperbetulkan segera.

Realitinya BA adalah bahasa ilmiah dan bahasa yang boleh dikomersialkan hingga ke peringkat antarabangsa. Contohnya di negara kita sekarang, kerajaan melalui Kementerian Pelancongan sedang giat mempromosikan kempen menarik pelancong melawat Malaysia. Antara sasaran pelancong tersebut ialah pelancong dari Timur Tengah. Sejak kebelakangan ini, khasnya selepas peristiwa 11 September 2001, ramai pelancong dari sana yang telah menukar haluan destinasi pelancongan mereka ke Malaysia.

Program-program belajar BA mestilah disebarluas dan dipertingkatkan lagi sama ada melalui media cetak ataupun media elektronik. Sebagai permulaan, kaedah mudah belajar BA harus diperkenalkan kepada umum. Kaedah tersebut menekankan aspek pertuturan asas BA komunikasi.

Dengan cara ini akan menarik minat dan perhatian masyarakat umum untuk mempelajari BA. Langkah-langkah positif yang diambil oleh pihak akhbar, majalah, radio dan televisyen menyiar dan menerbitkan program atau rancangan BA patutlah dipuji. Pendekatan yang dilakukan oleh Radio IKIM yang telah menyiarkan rancangan mari belajar BA secara mingguan melalui radio dalam slot "Hayya Bi al-'Arabiyyah" merupakan satu daya inisiatif yang sangat baik. Para pendengar diberi kesempatan oleh juruhebah untuk bertanya sambil berpeluang bertutur dalam BA dengan guru rancangan di udara. Rancangan seperti ini sebenarnya mendapat sambutan hangat daripada kalangan pendengar.

5.1.2.9 Peranan Kerajaan

Kerajaan juga mestilah berperanan menyediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi bagi kegunaan sekolah-sekolah agama. Kemudahan makmal bahasa dan makmal komputer wajar diutamakan sejajar dengan kemudahan yang sedia ada di sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang lain.

Kekurangan guru-guru BA yang terlatih mestilah diatasi segera. Langkah-langkah positif yang diambil oleh kerajaan negeri Pahang wajar dicontohi oleh negeri-negeri lain dalam usaha meningkatkan status dan kualiti pengajaran dan pembelajaran BA di Malaysia.

Antara langkah-langkah positif yang telah diambil ialah mendapatkan guru-guru BA yang terlatih dan berkecukupan dari negara Emiriah Arab Bersatu (UAE). Kebanyakan guru-guru tersebut adalah guru lelaki yang berasal dari negara Mesir yang telah lama berkhidmat di UAE. Mereka "dipinjamkan" oleh Kementerian Pendidikan UAE kepada kerajaan negeri Pahang dalam jangka masa tertentu.

Mereka kemudiannya dihantar untuk mengajar BA di setiap sekolah agama di seluruh daerah negeri Pahang. Puratanya tiga orang guru BA telah ditempatkan di setiap sekolah. Mereka adalah lulusan dan lepasan Universiti al- Azhar, Universiti Kaherah dan sebagainya.

Hasil tinjauan dan perbualan penulis dengan beberapa orang pengetua sekolah agama di daerah Maran, Pekan dan Kuantan, mendapati beberapa perubahan dan peningkatan prestasi penggunaan dan penguasaan BA telah mula berhasil dan bertambah baik dari masa ke semasa. Perkembangan positif ini telah membantu mewujudkan suasana persekitaran BA yang kondusif dan produktif.

Jika sebelum ini kebanyakan responden dan guru-guru Melayu sendiri lebih berminat berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka tetapi dengan kehadiran guru-guru Arab dari Timur Tengah telah berjaya mengubah keadaan tersebut dan dengan kewujudan mereka di tengah-tengah masyarakat sekolah agama adalah ibarat "kamus bergerak" yang pastinya banyak menyumbangkan kebaikan dan pengetahuan yang berfaedah kepada responden dan juga guru-guru Melayu.

Usaha murni yang dilakukan di Kolej Islam Pahang KIPSAS bagi memantapkan lagi penguasaan BA di kalangan para pelajarnya dengan melantik enam orang tenaga pengajar berbangsa Arab yang berkelulusan PHD sebagai pensyarah di KIPSAS wajar diberikan pujian dan dijadikan contoh oleh semua pihak.

5.2 Saranan Kajian Lanjutan.

Maf'u:l bih adalah merupakan salah satu daripada elemen-elemen penting BA yang wajar diberikan tumpuan khusus dan perhatian yang serius. Sebelum ini tidak banyak kajian yang dibuat menyentuh tentang penggunaan dan kepentingan *maf'u:l bih* secara menyeluruh. Cuma terdapat satu kajian analisis yang membincangkan tajuk "*maf'u:l fi:h*" dikalangan pelajar Melayu oleh 'Abqari Hisan 'Abdullah (2003) dari UM.

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan pemilihan sampel kajian yang terhad dalam kalangan responden -responden yang belajar Kolej Islam Pahang sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini terhad kepada pembelajaran BA di persekitaran Kolej Islam Pahang. Oleh kerana kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pihak Hal Ehwal Akademik Kolej Islam Pahang, maka dicadangkan kajian lanjutan dijalankan supaya tahap penguasaan

responden berkaitan tajuk *maf'u:l bih* secara khusus dan tajuk-tajuk pengajian Nahu secara umum dapat ditingkatkan. Sampel kajian ini hanya melibatkan responden-responden yang sedang belajar dalam Jabatan Dakwah Tahun 2 di Kolej Islam Pahang. Oleh yang demikian, dicadangkan dalam penyelidikan akan datang, diluaskan lagi skop kajian dengan melibatkan sampel yang lebih besar merangkumi responden -responden yang belajar di jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Syariah, Jabatan BA dan lain-lain. Dengan cara ini, gambaran yang lebih menyeluruh tentang penguasaan *maf'u:l bih* dapat diperolehi dengan lebih jelas dan tepat serta generalisasi dapat dilakukan.

Kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan dengan melakukan pendekatan soal selidik. Data-data yang dikumpulkan pula dianalisis berdasarkan kepada pendekatan kuantitatif. Kajian lanjutan dengan menggunakan kaedah yang lain pula adalah dicadangkan untuk mendapat gambaran yang lebih menyeluruh tentang tahap penguasaan Ilmu Nahu dalam kalangan responden-responden yang mempelajari BA di Malaysia.

5.3 Penutup

Ilmu Nahu merupakan salah satu ilmu penting yang perlu dikuasai oleh setiap responden yang berkecimpung dalam pembelajaran BA. Ini kerana matlamat akhir pembelajaran BA, bukan semata-mata untuk memahami pertuturan, menghasilkan pertuturan, berkebolehan membaca atau dapat menulis dalam BA, akan tetapi yang lebih tinggi ialah ingin menguasai dan mendalami ilmu agama. Ianya sejajar dengan perkembangan Ilmu Nahu sendiri yang bertujuan untuk memahami nas-nas agama dan menguasainya dengan baik. Dengan pemahaman yang baik ini, akan menghasilkan pengetahuan agama yang tepat dan jelas

sepertimana yang dikehendaki syariat. Pemahaman dan penguasaan Ilmu Nahu dengan baik juga membantu setiap muslim untuk membaca baris-baris ayat al-Qur'a:n yang mulia dengan tepat.

Justeru itu, responden-responden yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang pembelajaran ini perlu dipupuk dan disemai minat mereka agar terus bertambah subur dan berkobar-kobar dalam menghayati setiap baris kaedah dan peraturan berkaitan dengan ilmu ini. Minat itu perlu disemai dan semangat itu perlu dibaja supaya kekal mekar sehingga ke penghujungnya, bukannya layu di persimpangan gara-gara kesulitan dan bebanan yang tidak dilunakkan dengan kaedah dan cara penyampaian yang kecindan dan menyeronokkan. Menurut al-Nawawiyy (tt:292) Rasulullah SAW juga kadang-kadang berseloroh untuk sesuatu keperluan, untuk melembutkan jiwa pendengar dan untuk menarik perhatian mereka. Perkara ini sudah pastinya tiada tegahan dalam agama.

Oleh kerana responden pada hari ini, dibebankan dengan kurikulum yang meluas dan menyeluruh merangkumi semua matapelajaran sama ada yang berbentuk keagamaan, akademik dan juga kemahiran, maka kaedah penyampaian yang berkesan dan sesuai dengan kehendak semasa perlu diterapkan dalam pengajaran guru. Pengajar yang mampu mengikat fokus respondennya dengan cara penyampaian yang berkesan akan memenangi hati responden dan begitulah sebaliknya. Institusi minat responden akan sentiasa menaik dan menurun terhadap sesuatu mata pelajaran bergantung kepada kaedah dan cara penyampaian, bukannya di mana mereka menimba ilmu pengetahuan.

Oleh kerana *maf'u:l bih* merupakan salah satu tajuk yang agak sukar dikuasai oleh kebanyakan responden BA, disebabkan oleh banyak faktor seperti yang dapat diperhatikan

melalui dapatan kajian, maka pendekatan-pendekatan tertentu perlu dilakukan oleh para guru yang mengajar BA. Pendekatan-pendekatan yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, mudah-mudahan akan membantu meningkatkan mutu pengajaran dan menjadikan pengajaran itu suatu seni yang menyeronokkan dan pembelajaran itu suatu rutin yang mengembirakan. Gabungan antara seni dan rutin ini, akan membuahkan kefahaman dan penguasaan yang baik. Penguasaan yang baik pula akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran berkesan dan mencapai objektif yang digariskan atau matlamat yang diimpikan.

Wa Alla:h A 'lam.